

Headline	Urusan halal haram dalam perbankan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	173,387
Page No	17,18	Readership	699,000
Language	Malay	ArticleSize	285 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,633
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,898



**RANDAU
INDUSTRI**
Muhd. Ramadhan
Fitri Elias



Urusan halal haram dalam perbankan

MUKA 18

Urusan halal haram dalam perbankan

PERBANKAN Islam ialah salah satu sektor atau juzuk dalam sebuah sistem kewangan Islam yang mendasari prinsip operasi dan amalannya berlandaskan hukum Islam atau juga disebut sebagai syariah.

Faktor utama yang membezakan antara perbankan Islam dan perbankan konvensional ialah segala urusan dalam perbankan Islam hendaklah dikendalikan tanpa melibatkan sebarang unsur-unsur yang bercanggah dengan syariah.

Perbankan Islam mula mengorak langkah seawal tahun 1963, terutamanya apabila apabila tertubuhnya Mit Ghamr Local Saving Bank di Mesir tanpa menggunakan perkataan syariah secara rasmi. Bank ini menggunakan model 'German Savings Bank' mengikut kesesuaian sebuah bank berlandaskan Islam.

Penubuhan Islamic Development Bank (IDB) di Jeddah pada sidang Menteri-Menteri Luar OIC (Organisation of Islamic Conference) menjadi pemangkin kepada penubuhan perbankan Islam di serata dunia.

Antara bank-bank Islam yang berjaya ditubuhkan adalah Dubai Islamic Bank pada tahun 1975 diikuti dengan Faisal Islamic Bank of Sudan pada 1977, Faisal Islamic Egyptian Bank dan Islamic Bank of Jordan pada tahun 1978, Islamic Bank of Bahrain pada 1979, The International Islamic Bank of Investment and Development, Luxembourg pada 1980.

Konsep kewangan berdasarkan hukum Islam bukanlah sesuatu yang baharu, sejak perkembangan Islam di kepulauan nusantara pada abad ke-12, undang-undang Islam dalam perdagangan telah mula mempengaruhi masyarakat tempatan. Dalam Undang-Undang Melaka, terdapat beberapa peraturan yang menyentuh tentang pengharaman amalan riba dalam urusan jual-beli. Selepas kemerdekaan, permintaan untuk mewujudkan satu institusi kewangan yang halal telah meningkat. Pada tahun 1963, Lembaga Tabung Haji telah ditubuhkan bertujuan untuk membantu umat Islam di

**RANDAU
INDUSTRI**
Muhd. Ramadhan
Fitri Elias



Malaysia menyimpan duit untuk menunaikan ibadah haji.

Kejayaan Tabung Haji menyebabkan timbul pula usul untuk menubuhkan perbankan Islam. Hasilnya, Kabinet meluluskan penubuhan bank Islam pertama pada tahun 1983 yang dikenali sebagai Bank Islam Malaysia Berhad disusuli dengan Syarikat Takaful Malaysia Berhad selaku pengendali Takaful yang pertama pada tahun 1984.

Bank Negara Malaysia pula diberikan mandat untuk menjadi badan pengawal yang membantu dalam keselarasan dan keseragaman pentafsiran syariah dalam memperkukuh pengawalseliaan dan tadbir urus industri kewangan Islam.

Antaranya, Bank Negara Malaysia mengawal selia industri kewangan Islam terutamanya perbankan Islam dan Takaful dengan mengeluarkan resolusi, garis panduan, dan lain-lain yang bertujuan untuk mewujudkan kesepakatan dalam keputusan-keputusan syariah, demi mempertingkat dan memperkukuhkan tadbir urus syariah institusi kewangan.

Justeru jika suatu ketika dahulu, mungkin kita tiada pilihan untuk menggunakan produk kewangan Islam dalam aktiviti-aktiviti kewangan seperti perbankan, pajak gadai, insurans dan sebagainya.

Namun dewasa ini, kita telah ada banyak bank-bank Islam dan juga bank-bank konvensional yang membuka Islamic Windows dengan turut menawarkan produk-produk perbankan Islam kepada mereka yang berminat terutamanya umat Islam. Begitu juga produk-produk kewangan Islam yang lain seperti pajak gadai Islam (al-rahnu), takaful, sukuk dan seumpamanya.

PENULIS ialah Ketua Pengurusan Syariah Maybank Islamic Berhad.